

Makmal R&D keselamatan siber baru di NUS

SEBUAH Makmal Penyelidikan dan Pengembangan (R&D) Keselamatan Siber Nasional akan ditubuhkan di Universiti Nasional Singapura (NUS) untuk mengkaji dan menyelidik alat yang boleh disesuaikan bagi meningkatkan keselamatan siber.

Pengerusi Agensi Sains, Teknologi dan Penyelidikan (A*Star), Encik Lim Chuan Poh, mengumumkan semalam bahawa makmal yang ditempatkan di Sekolah Pengajian Pengkomputeran di NUS itu akan beroperasi pada akhir tahun ini.

Ia akan menjadi sebuah infrastruktur penyelidikan nasional dikongsi – di mana komuniti penyelidikan keselamatan siber tempatan dan industri boleh datang bersama untuk bekerja dan menyelidik mengenai penilaian kelemahan.

Ia juga akan menilai set data yang berguna untuk kajian keselamatan siber.

Kumpulan penyelidikan siber antarabangsa juga dialu-alukan bekerjasama dengan penyelidik tempatan melalui projek-projek penyelidikan bersama.

Encik Lim berkata demikian semasa majlis perasmian *Persidangan R&D Keselamatan Siber Singapura* yang dianjurkan buat julung-julung kalinya.

Persidangan dua hari itu diadakan di Universiti Teknologi dan Reka Bentuk Singapura (SUTD).

Topik persidangan tahun ini berkisar *Keselamatan Siber dengan Reka Bentuk* di mana ahli akademik dan penyelidik akan berkongsi idea mengenai cara keselamatan siber tidak seharusnya menjadi langkah tambahan sebagai langkah berjaga-jaga kepada sistem komputer.

Sebaliknya, keselamatan siber harus disepadukan dalam reka bentuk asal sistem tersebut untuk melindunginya dengan lebih baik.